

KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP)

Senarai semak: Pembubaran atau Penyerahan Balik Status Kelulusan KPHDN Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP oleh Institusi/Organisasi/Tabung (IOT)

A. Pembubaran

Senarai pengemukaan dokumen sebelum pembubaran: [dalam tempoh 90 hari bekerja daripada tarikh resolusi dan minit mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK)]		
1	Surat permohonan yang mengandungi maklumat jenis pembubaran, penjelasan pembubaran dan cadangan tarikh pembubaran	
2	Resolusi ALPA/ALP/AJK dan minit mesyuarat yang menyatakan keputusan pembubaran	
3	Senarai Aktiviti dalam tahun semasa yang masih belum dilaporkan sebelum cadangan tarikh pembubaran	
4	Ringkasan senarai aset dan liabiliti terkini (jenis dan nilai)	
5	Penyata bank dan penyata simpanan tetap terkini	
Senarai pengemukaan dokumen selepas pembubaran: [dalam tempoh 90 hari bekerja dari tarikh surat kelulusan pembubaran oleh KPHDN]		
1	Surat Pengisytiharan Pembubaran daripada badan pendaftar	
2	Sesalinan surat penutupan akaun bank beserta penyata akaun bank menunjukkan baki akhir	
3	Akaun Realisasi pada tarikh pembubaran (<i>Assets at estimated realizable values liabilities expected to rank</i>)	
4	Pengesahan dan bukti pindahan baki dana kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan atau kepada IOT lain yang telah diluluskan oleh KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP. Nota: Semua hutang dan tanggungan IOT hendaklah dijelaskan dan baki aset dan wang, jika ada, hendaklah didermakan kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan atau kepada IOT lain yang telah diluluskan oleh KPHDN.	

B. Penyerahan Balik Status Kelulusan KPHDN Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP

Senarai pengemukaan dokumen sebelum penyerahan balik status kelulusan:		
1	Surat permohonan yang mengandungi maklumat penjelasan dan cadangan tarikh penyerahan balik status kelulusan	
2	Resolusi ALPA/ALP/AJK dan minit mesyuarat yang menyatakan keputusan penyerahan balik status kelulusan	
3	Senarai Aktiviti dalam tahun semasa yang masih belum dilaporkan sebelum tarikh serahan balik	
4	Ringkasan senarai aset dan liabiliti terkini (jenis dan nilai)	
5	Penyata bank dan penyata simpanan tetap terkini	

Senarai pengemukaan dokumen selepas penyerahan balik status kelulusan:*[dalam tempoh 90 hari bekerja dari tarikh surat kelulusan penyerahan balik kelulusan oleh KPHDN]*

1	a. Bagi IOT yang tidak akan beroperasi selepas tarikh penyerahan balik berkuat kuasa; Semua baki dana yang dikecualikan cukai dalam tempoh kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP, hendaklah didermakan atau disalurkan kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan atau kepada IOT lain yang telah diluluskan oleh KPHDN. Pengesahan dan bukti pindahan baki dana kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan atau kepada IOT lain yang telah diluluskan oleh KPHDN. b. Bagi IOT yang akan meneruskan operasi selepas tarikh penyerahan balik berkuat kuasa; Permohonan hendaklah dibuat kepada KPHDN bagi mendapatkan kelulusan secara bertulis. KPHDN akan menentukan syarat-syarat bagi penyerahan balik status kelulusan ini berdasarkan asas / fakta sesuatu kes. Bagi aktiviti bantuan kepada penerima manfaat yang sedia ada, bantuan ini perlu diteruskan dan syarat 50% perbelanjaan pada tahun terakhir kelulusan masih perlu dipatuhi oleh IOT.	
---	--	--

Nota:

1. Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.